

BAB V

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini mengutarakan ringkasan dan rumusan kajian yang telah dijalankan. Perbincangan akan ditumpukan kepada menjawab soalan kajian berdasarkan dapatan dan keputusan ujian hipotesis seperti yang telah dijelaskan dalam Bab IV sebelum ini. Seterusnya bab ini juga akan membincangkan implikasi kajian dan cadangan-cadangan yang bersesuaian untuk meningkatkan peranan pengetua serta penambahbaikan bagi kajian-kajian lanjutan seterusnya.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan melihat peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran berdasarkan persepsi guru di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini juga untuk melihat apakah domain tingkahlaku utama pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran. Enam domain tingkahlaku pengetua sebagai pemimpin pengajaran telah dikenalpasti dalam kajian ini iaitu menetapkan dan menjelaskan visi dan matlamat sekolah, mengurus dan melaksana kurikulum, memantau pencapaian pelajar, perkembangan profesionalisme guru dan membina iklim sekolah. Manakala bagi dimensi pemimpin pentadbiran pula, lima domain tingkahlaku telah digunakan iaitu menyusun dan membahagi tugas guru,

pentadbiran pejabat, pengurusan kewangan sekolah, tugas-tugas rutin dan mengurus sistem fail, dokumen dan kemudahan sekolah.

Seramai 70 orang responden yang terdiri dari guru-guru sekolah berkenaan telah dipilih sebagai responden kajian. Kaedah soal selidik berdasarkan Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) telah digunakan untuk mendapatkan data persepsi guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran. Manakala Administrative Behaviour Questionare (ABQ) yang telah diubahsuai digunakan bagi mengumpul data persepsi guru-guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pentadbiran.

Daripada 80 borang soal selidik yang diedarkan, sebanyak 70 borang telah dikembalikan. Analisis terhadap latar belakang demografi responden mendapati responden kajian ini terdiri daripada pelbagai latarbelakang jantina, umur, bangsa, kelayakan akademik, pengalaman mengajar, dan tempoh berapa lama telah mengenali pengetua.

5.3 KESIMPULAN KAJIAN.

Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin Pengajaran dan Pemimpin Pentadbiran.

Hasil kajian yang dijalankan mendapati pengetua sekolah menengah yang dikaji telah dapat menjalankan peranan sebagai pemimpin pengajaran secara aktif berdasarkan persepsi guru. Manakala dari dimensi pemimpin pentadbiran, hasil kajian menunjukkan pengetua sekolah berkenaan telah menjalankan peranannya secara aktif sebagai pemimpin pentadbiran. Ini membuktikan bahawa pengetua sekolah berkenaan telah dapat

memberikan perhatian yang seimbang dalam melaksanakan peranannya sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran. Dapatan ini hampir sama dengan kajian oleh Dwyer (1984) di mana dalam kajian beliau mendapati pengetua berjaya memainkan peranannya sebagai pemimpin pengajaran dan pentadbiran. Ini bermakna selain dari menjalankan tugasnya sebagai pemimpin pengajaran, pada masa yang sama pengetua juga melaksanakan tugas sebagai pemimpin pentadbiran secara aktif. Hasil kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Lee (1991) dan Hanafi Kamal (1982) yang mendapati pengetua kurang memainkan peranan dalam dimensi pemimpin pengajaran, sebaliknya lebih menumpukan kepada dimensi pentadbiran.

Domain Tingkahlaku Pengetua Sebagai Pemimpin Pengajaran dan Pemimpin Pentadbiran.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pengetua memberi tumpuan secara aktif terhadap enam domain dalam dimensi pemimpin pengajaran iaitu menetapkan visi dan matlamat sekolah, mengurus dan melaksana kurikulum, menyelia pengajaran dan pembelajaran, memantau pencapaian pelajar, perkembangan profesionalisme dan pembinaan iklim pembelajaran. Berdasarkan nilai min yang diperolehi menunjukkan pengetua memberi tumpuan yang berbeza terhadap setiap domain tingkahlaku sebagai pemimpin pengajaran. Domain tingkahlaku utama yang diberi penekanan oleh pengetua ialah membina iklim pembelajaran dan diikuti dengan menetapkan visi dan matlamat sekolah, memantau pencapaian pelajar, mengurus dan melaksanakan kurikulum dan perkembangan profesionalisme. Aspek tingkahlaku yang paling kurang diberi tumpuan oleh pengetua berdasarkan persepsi guru ialah penyeliaan pengajaran dan pembelajaran.

Dari segi domain tingkahlaku peranan pengetua sebagai pemimpin pentadbiran, dapatan kajian menunjukkan pengetua memberikan tumpuan yang berbeza terhadap tiap domain tingkahlaku tersebut. Pengetua didapati memainkan peranan secara sangat aktif dalam mengurus fail, dokumen dan kemudahan sekolah, membahagi dan menyusun tugas. Manakala dalam aspek pentadbiran pejabat, mengurus kewangan dan tugas rutin sekolah, didapati pengetua memainkan peranannya secara aktif.

Secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan yang begitu ketara peranan yang ditunjukkan oleh pengetua antara dimensi pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran. Ini menunjukkan bahawa pengetua sekolah ini memberikan tumpuan dan penekanan yang agak seimbang terhadap peranannya dalam kedua dimensi tersebut. Oleh itu jelaslah bahawa pengetua sekolah berkenaan telah melaksanakan peranannya sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran dengan aktif.

Perbezaan Persepsi Guru Terhadap Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin Pengajaran dan Pemimpin Pentadbiran.

Pengujian hipotesis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran berdasarkan jantina, kelayakan akademik dan tempoh lama guru telah mengenali pengetua. Manakala persepsi guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran berdasarkan pembolehubah bebas iaitu umur guru dan tempoh berapa lama berkhidmat sebagai guru, keputusan ujian hipotesis menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan.

Dari dimensi pemimpin pentadbiran pula, hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pentadbiran berdasarkan pembolehubah bebas umur guru, tempoh lama telah berkhidmat sebagai guru, kelayakan akademik guru dan tempoh lama guru telah mengenali pengetua. Ujian hipotesis juga menunjukkan terdapat perbezaan persepsi guru terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pentadbiran berdasarkan perbezaan jantina guru. Ini menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai persepsi yang sama terhadap tingkahlaku pengetua sebagai pemimpin pengajaran walaupun mereka berlainan umur, kelayakan akademik, tempoh berkhidmat sebagai guru dan lama guru telah mengenali pengetua. Manakala persepsi guru lelaki dan perempuan terhadap tingkahlaku pengetua sebagai pemimpin pentadbiran adalah berbeza.

Hubungan Antara Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin Pengajaran Dengan Pemimpin Pentadbiran.

Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran. Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan sederhana kuat antara kedua dimensi peranan tersebut berdasarkan persepsi guru-guru. Secara umumnya wujud pertalian antara tingkahlaku pengetua dalam dimensi pemimpin pengajaran dengan tingkahlaku pengetua dalam dimensi pemimpin pentadbiran. Hubungan ini berlaku mungkin disebabkan oleh tugas dan tingkahlaku pengetua dalam aspek pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran sukar dipisahkan. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi pendapat Hussein (1993) yang mengatakan peranan pengetua sebagai

pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran adalah saling bertindih. Terdapat beberapa aspek tugas dan tingkahlaku pentadbiran yang dilakukan oleh pengetua mempunyai kaitan dengan tugas pengajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung.

5.4 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian yang diperolehi secara keseluruhannya membuktikan bahawa pengetua sekolah memainkan peranan sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran secara aktif. Ini bermakna selain dari menjalankan tugasnya sebagai pemimpin pengajaran, pada masa yang sama pengetua juga melaksanakan tugas sebagai pemimpin pentadbiran. Dapatan kajian ini menyokong beberapa dapatan kajian yang dijalankan oleh Duke (1982), Dwyer (1984) dan Hussein (1993), yang mengatakan pengetua harus menjalankan tugas dalam sekurang-kurangnya dua bidang iaitu pentadbiran dan pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini juga selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh Shahril (2000), iaitu pengetua perlu memainkan dua peranan tersebut secara serentak bagi menghadapi cabaran pendidikan di alaf baru.

Pengetua hendaklah bertindak secara aktif dalam enam dimensi tingkahlaku pemimpin pengajaran. Sesebuah sekolah akan menjadi lebih berkesan sekiranya pengetua memberi tumpuan yang lebih dalam aspek pengajaran. Ini selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Sweeney (1982), Hallinger dan Murphy (1985) dan

Krug (1992), yang mengatakan keberkesanan sesebuah sekolah dipengaruhi oleh peranan pengetuanya dalam kepimpinan pengajaran.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini bertentangan dengan pendapat dan dapatan kajian terdahulu oleh Fullon (1979), Hanafi Kamal (1982), Smyth (1983), Hallinger dan Murphy (1983), yang mengatakan pengetua sekolah kini kurang berperanan sebagai pemimpin pengajaran, malahan kebanyakannya lebih memberi perhatian kepada aspek pentadbiran. Antara sebab yang diberikan ialah kekurangan latihan dan panduan, beban tugas pengetua yang banyak menyebabkan pengetua gagal berperanan sebagai pemimpin pengajaran. Walau bagaimanapun kajian oleh Hussein (1989), merumuskan tahap peranan pengetua dalam kepimpinan pengajaran adalah sederhana sahaja. Ini disebabkan oleh pengetua kurang berketrampilan dalam aspek tersebut.

Dari segi apakah domain tingkahlaku utama pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran, dapatan kajian ini merumuskan bahawa pengetua memberi tumpuan yang berbeza bagi setiap domain tingkahlaku tersebut. Secara khusus, dapatan kajian mendapati pengetua berperanan secara sangat aktif dalam membina iklim sekolah, menetapkan serta menjelaskan visi dan matlamat di sekolah berbanding dengan domain tingkahlaku mengurus dan melaksana kurikulum, memantau pencapaian pelajar, menyelia pengajaran dan pembelajaran pelajar dan perkembangan profesionalisme guru.

Dapatan kajian ini menyokong pendapat Greenfield (1987) dan dapatan kajian oleh Dwyer (1984), di Amerika Syarikat yang mendapati tumpuan utama peranan

pengetua sebagai pemimpin pengajaran ialah membina iklim sekolah yang kondusif. Melalui iklim sekolah yang sedemikian, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat ditingkatkan. Ia juga akan mewujudkan persekitaran kerja dan perkembangan sosial yang positif, sifat bekerjasama dan saling hormat-menghormati.

Penetapan dan penjelasan visi dan matlamat sekolah merupakan satu lagi aspek yang harus diberi tumpuan oleh pengetua dalam melaksanakan peranannya sebagai pemimpin pengajaran. Kajian ini mendapati pengetua berperanan secara sangat aktif dalam menetapkan dan menjelaskan visi dan matlamat sekolah. Ini selaras dengan apa yang ditegaskan oleh Parks (1986), Hallinger dan Murphy (1985) dan Hussein (1993), bahawa pengetua adalah bertanggungjawab merangka, menjelas dan melaksanakan visi dan misi sekolah. Melalui penetapan visi dan misi yang jelas serta penglibatan semua pihak, peranan pengetua untuk mencapai segala matlamat yang diharapkan akan menjadi lebih mudah.

Dari segi penyeliaan pengajaran dan pembelajaran, kajian ini juga mendapati pengetua kurang memberi tumpuan terhadap domain tingkahlaku tersebut berbanding tingkahlaku yang lain. Walau bagaimanapun ia masih berada pada tahap aktif. Ini selaras dengan dapatan kajian oleh The Kah Hoë (1985) yang mengatakan pengetua jarang memerhati guru mengajar dan membuat penyeliaan. Terdapat beberapa sebab yang mungkin menghalang pengetua dari membuat penyeliaan pengajaran antaranya ialah kekurangan masa (Hill, 1980), beban tugas pengetua yang semakin bertambah (AL Ramaiah, 1995), dan pengetua kekurangan kemahiran. Biasanya amalan penyeliaan pengajaran guru-guru di sekolah bukan sahaja dilaksanakan oleh pengetua, tetapi ia juga

dilaksanakan oleh guru Penolong Kanan dan Guru Kanan Mata Pelajaran melalui konsep penurunan kuasa.

Nor Azizan (1998), dalam kajiannya mendapati bahawa pengetua memainkan peranan yang aktif dalam mendefinisikan misi, memantau pencapaian pelajar dan membina iklim sekolah yang kondusif. Kajian tersebut juga mendapati pengetua tidak memainkan peranan secara aktif dalam mengurus kurikulum dan menyelia proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kepada kajian ini jelas bahawa pengetua perlu meningkatkan lagi peranan mereka dalam pengurusan kurikulum dan aspek penyeliaan pengajaran. Pengetua hendaklah memberi lebih bimbingan dan tunjuk ajar kepada guru semasa penyeliaan supaya matlamat dan objektif sekolah tercapai. Melalui perbincangan sebelum dan selepas penyeliaan segala kekuatan dan kelemahan akan dapat dikongsi bersama bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran. Penyeliaan pengajaran juga boleh memotivasikan guru dan meningkatkan perkembangan profesionalisme (Sergiovanni, 1991 : 284). Harrison (1968: 78), mengatakan pengetua juga adalah bertanggungjawab untuk menyelia proses pengajaran dan pembelajaran bagi menentukan keberkesanan dan kejayaan pembelajaran dalam bilik darjah.

Dari dimensi pemimpin pentadbiran, dapatan kajian membuktikan bahawa pengetua lebih memberi keutamaan kepada peranan mengurus fail, dokumen dan menyediakan kemudahan sekolah, membahagi dan menyusun tugas kakitangan sekolah berbanding dengan tugas pentadbiran pejabat, mengurus kewangan dan kerja-kerja rutin di sekolah. Bagaimana pengetua berperanan dalam lima aspek tingkahlaku yang dibincangkan akan menentukan keberkesanan pentadbiran sesebuah sekolah. Kajian oleh

Edmonds (1979: 15), mengagaskan untuk mewujudkan sekolah yang berkesan, pengetua hendaklah mempunyai kepimpinan pentadbiran yang kukuh.

Mengikut AL Ramaiah (1992 : 53), pentadbiran pejabat, pengurusan sistem fail, bangunan, alatan dan kemudahan sekolah merupakan antara beberapa tugas utama pengetua dari segi pentadbiran. Dapatan kajian ini telah mengukuhkan lagi pendapat bahawa pengetua juga perlu menjalankan tugas dan peranan pentadbiran. Pengetua hendaklah memastikan pejabat sekolah ditadbir dan diuruskan dengan cekap, sistem fail serta dokumen berada dalam keadaan teratur dan terkawal. Pengetua juga hendaklah memastikan kawasan pejabat dan sekolah berada dalam keadaan bersih dan ceria. Pentadbiran yang cekap dan teratur, persekitaran yang bersih akan mempengaruhi iklim kerja dan pembelajaran yang menarik dan memberangsangkan (Campbell, 1983).

Dapatan kajian juga menunjukkan pengetua memberi tumpuan yang lebih dalam mengatur dan membahagikan tugas serta tanggungjawab kepada guru-guru dan kakitangan di sekolah. Proses menyusun, membahagi, menstruktur dan mengawal cara bekerja dalam sesebuah organisasi sangat penting bagi memastikan objektif organisasi tercapai (AL Ramaiah, 1992: 37). Sebagai pemimpin pentadbiran, pengetua hendaklah mengurus sumber tenaga manusia, kewangan dan kemudahan yang terhad dengan cekap dan berkesan. Mengikut Hussein (1993), sekolah yang cekap dan berkesan memerlukan seorang pengetua yang boleh berperanan sebagai pemimpin pentadbiran. Pemimpin pentadbiran yang berkesan ialah pemimpin yang boleh mengoperasikan sekolah dengan licin.

Hasil kajian yang diperoleh juga menunjukkan terdapat hubungan antara tingkahlaku pengetua dalam dimensi pemimpin pengajaran dengan dimensi pemimpin pentadbiran.

5.5 IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan pengetua berperanan sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran secara aktif. Walau bagaimanapun dari segi tahap peranan pengetua terhadap setiap domain tingkahlaku dalam kedua dimensi adalah berbeza daripada tahap aktif hingga sangat aktif. Oleh itu masih terdapat beberapa domain tingkahlaku peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran tersebut yang kurang diberi perhatian dan perlu dipertingkatkan lagi oleh pengetua bagi mewujudkan sekolah yang berkesan.

Pada masa kini pengetua dibebani dengan pelbagai tugas yang memerlukan banyak tumpuan masa. Pengetua seharusnya tidak menjadikan pertambahan beban tugas tersebut sebagai alasan untuk mengabaikan peranan mereka sebagai pemimpin pengajaran. Mereka perlulah bijak menguruskan masa supaya semua tugas dan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

Pengetua perlu menilai kembali kelemahan mereka dan sanggup berusaha untuk memperbaikinya. Mereka tidak sepatutnya hanya pandai mengeluarkan arahan dan peraturan kepada kakitangan serta mengharapkan kakitangan mematuhi. Beberapa kajian menunjukkan pengetua yang mengamalkan gaya kepimpinan secara autokratik

adalah paling kurang berkesan dalam kepimpinannya (Montgomery, 1986). Sebagai pemimpin pengajaran, pengetua perlu memikirkan bagaimanakah mereka boleh mempengaruhi guru-guru dan pelajar bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran, mencapai visi dan matlamat yang ditetapkan. Kejayaan dan kegagalan pelajar amat bergantung kepada sejauhmana pengetua berjaya menjadi pemimpin pengajaran yang berkesan. Pengetua juga perlu menjalankan tugas secara bersama dan dalam aspek tertentu ia perlu mengamalkan penurunan kuasa bagi melicinkan pentadbiran (AL Ramaiah, 1992).

Salah satu masalah yang dihadapi oleh pengetua ialah melaksanakan peranan sebagai pemimpin pengajaran. Oleh itu pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah perlu bertindak membantu dan membimbing pengetua agar dapat mengatasi masalah dan kelemahan mereka dalam melaksanakan peranan sebagai pemimpin pengajaran.

Pengetua juga perlu diberi penjelasan yang lebih tentang peranan yang sepatutnya mereka laksanakan sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran seperti yang dikehendaki dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979). Pengetua perlu diingatkan bahawa peranan mereka kini tidak hanya sebagai pentadbir sekolah, mereka juga dituntut supaya menjadi pemimpin dalam pengajaran kepada guru dan pelajar. Justeru itu, pengetua perlulah sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran konseptual, budaya, teknikal dan kemanusiaan agar peranannya sebagai pemimpin pengajaran dapat dilaksanakan secara berkesan.

Selain dari itu, pengetua perlu diberi latihan atau kursus peningkatan profesionalisme dari semasa ke semasa dalam aspek kepimpinan pengajaran di sekolah secara teori dan praktikal. Ini kerana pengalaman mengajar selama beberapa tahun belum mencukupi untuk menjadi seorang pemimpin pengajaran yang berkesan

Bagi meningkatkan peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran, cara perantukan pengetua perlu dikaji dan dinilai semula. Ini bertujuan untuk memastikan pengetua yang berwibawa, berketrampilan dan dapat menjalankan kedua peranan tersebut dengan baik sahaja yang dilantik untuk memimpin sekolah..

5.6 CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini adalah kajian kes yang bertujuan untuk melihat persepsi guru di sebuah sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah terhadap peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran. Walaupun kajian ini telah merumuskan beberapa dapatan kajian, namun ia tidak dapat menggambarkan situasi sebenar peranan pengetua di semua sekolah menengah. Ini disebabkan bilangan responden kajian ini yang kecil bilangannya dan hanya berfokus kepada sebuah sekolah sahaja. Oleh itu satu kajian yang melibatkan bilangan responden yang lebih ramai dan merentasi kawasan luar bandar serta bandar perlu dijalankan agar satu gambaran peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran secara lebih tepat diperolehi.

Selain daripada itu kajian lanjutan bagi melihat peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran dari pelbagai aspek tingkahlaku yang lebih luas perlu dijalankan. Untuk mengukuhkan dapatan kajian, penggunaan gabungan kaedah soal selidik dan pemerhatian terhadap tingkahlaku sebenar pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran perlu dijalankan.

5.7 KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini menunjukkan pengetua di sebuah sekolah menengah di daerah Kota Setar memainkan peranan sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran secara aktif. Enam dimensi tingkahlaku peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran yang dilihat ialah menetapkan dan menjelaskan visi dan matlamat, mengurus dan melaksana kurikulum, menyelia pengajaran dan pembelajaran, memantau pencapaian pelajar, perkembangan profesionalisme guru dan membina iklim sekolah yang kondusif. Manakala dimensi peranan pengetua sebagai pemimpin pentadbiran pula ialah membahagi dan menyusun tugas guru, pentadbiran pejabat, tugas rutin, mengurus kewangan sekolah dan mengurus fail, dokumen dan kemudahan sekolah.

Tahap peranan pengetua adalah berbeza bagi setiap domain tingkahlaku dalam kedua dimensi peranan sebagai pemimpin pengajaran dan pemimpin pentadbiran. Pengetua didapati memainkan peranan secara sangat aktif dalam aspek membina iklim sekolah yang kondusif, menetapkan dan menjelaskan visi dan matlamat sekolah. Aspek pengurusan dan pelaksanaan kurikulum serta penyeliaan pengajaran merupakan aspek

yang kurang diberi perhatian oleh pengetua . Oleh itu aspek ini perlu dipertingkatkan lagi oleh pengetua kerana ia merupakan teras kepada peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran dan sistem persekolahan.

Daripada lima aspek tingkahlaku pengetua sebagai pemimpin pentadbiran, kajian menunjukkan pengetua memainkan peranan secara sangat aktif dalam membahagi dan menyusun tugas guru serta mengurus fail, dokumen dan kemudahan sekolah. Manakala peranan pengetua dalam aspek pentadbiran pejabat, pengurusan kewangan dan tugas rutin berada pada tahap aktif. Ini menunjukkan aspek-aspek tingkahlaku pengetua dalam dimensi pentadbiran tersebut perlu diberi perhatian dan penekanan supaya keberkesanan sekolah dapat dipertingkatkan .

Untuk menjadi pemimpin pengajaran dan pentadbiran yang berkesan, pengetua perlulah memainkan peranan dalam semua dimensi tersebut secara sangat aktif. Kajian ini juga mendapati bahawa peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran mempunyai hubungan yang sederhana dan signifikan dengan pemimpin pentadbiran. Sebagai pemimpin, segala tingkahlaku pengetua boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan dan pentadbiran sekolah. Pengetua yang berkesan ialah pengetua yang dapat melaksanakan peranan dan tanggung jawabnya secara total tanpa mengabaikan salah satu daripada peranan tersebut.